

Doktor terima anugerah kecemerlangan UMP



Kuantan, 19 November- Graduan Dr. Lim Jac Fang yang berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Eksekutif Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran pada sidang pertama Majlis Konvokesyen ke-12 Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung baru-baru ini tidak menyangka terpilih menerima Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Bertugas sebagai doktor atau Pegawai Kesihatan di Pejabat Kesihatan Papar di Sabah, menegaskan bahawa pembahagian masa, selain sokongan dan dorongan daripada keluarga serta majikan adalah antara faktor penting yang menentukan kejayaan

seseorang, apatah lagi jika kita berkerja sambil belajar.

"Selain bertugas sebagai pegawai perubatan, saya turut menjadi tenaga pengajar di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu dan aktif menerbitkan artikel berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam portal *The Malaysian Medical Gazette*. Kesemua ini tidak mungkin dapat saya lakukan sekiranya saya tidak bijak membahagikan masa," ujar beliau lagi. Kecemerlangan Dr. Lim turut terbukti apabila beliau dianugerahkan "Fellow" oleh Academy of Occupational Environmental Medicine Malaysia (AOEMM).

"Pilihan saya untuk menyambung pengajian di UMP amat tepat kerana UMP menawarkan kursus pengajian yang menepati kehendak pasaran serta kurikulum padat dengan tempoh yang sesuai selain infrastruktur pengajian yang canggih dan kondusif" ujar beliau ketika diminta memberi pandangan terhadap UMP," kata Dr. Lim.



Sementara itu seorang penerima Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat iaitu, Kapten Mohd Radzi Abdullah berpendapat, kesusahan hidup pada zaman kecil membuatkan Radzi gigih berusaha untuk mengubah nasib keluarga. Beliau memulakan kerjaya sebagai anggota tentera dan ditauliahkan pangkat Leftenan Muda pada 1984 sebelum menamatkan perkhidmatan dan beralih arah ke bidang pengurusan di Wasco Coatings Malaysia Sdn. Bhd sebagai Pengurus Kanan, Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran.

Katanya, tuntutan kerjaya yang memerlukan beliau berpengetahuan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan mendorong Radzi untuk menyambung pengajian dalam bidang berkenaan.

Selain itu, dorongan daripada pensyarah dan perkongsian amalan terbaik serta pengalaman berurusan di dalam bidang keselamatan dan kesihatan persekitaran dengan pelbagai negara-negara maju seperti Germany, Netherland, Norway, Australia, Amerika, Jepun, Cina, Greece memberi nilai tambah kepada Radzi untuk mengaplikasikan pengalaman yang diperoleh bagi membantu beliau untuk lebih cemerlang di dalam pengajian.

Mohd Radzi turut berpesan agar menjadikan kejayaan beliau sebagai contoh kepada kepada generasi muda terutama kepada anak-anaknya dan berharap agar ilmu yang diperoleh dalam bidang keselamatan dan kesihatan persekitaran dapat disebar luas bagi manfaat generasi yang akan datang.

Disediakan Nadira Hana Abdul Hamid dari Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 22-11-2017, 14:57:55